



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI HAJI ABDUL KARIM**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**  
**KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**  
**KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK**  
**SAHABAT B.I.J.A.K. “SAFE AND PROTECT”**

**PADA**  
**8 OGOS 2017**  
**DI SK KUBANG BATANG**  
**JAJAHAN TUMPAT, KELANTAN**

## <SALUTASI>

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis;

## PENDAHULUAN

1. Alhamdullilah, segala puji dan syukur saya panjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita dapat bertemu di Sekolah Kebangsaan Kubang Batang, Tumpat, Kelantan pada hari ini dalam **MAJLIS PERASMIAH KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK SAHABAT B.I.J.A.K. “SAFE AND PROTECT”**.
2. Terlebih dahulu sukacita saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih di atas usaha murni Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk meneruskan usaha melaksanakan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak - Sahabat B.I.J.A.K “Safe And Protect”.
3. Terima kasih saya ucapan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan kerana meneruskan usaha melaksanakan kempen ini serta Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kubang Batang, Tumpat kerana memberi ruang kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan kempen ini untuk menyampaikan maklumat yang amat bermakna demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang berada di kawasan ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat di atas kerjasama dan penglibatan dalam program pada hari ini.

Hadirin Sekalian,

## **PROGRAM KESELAMATAN SAHABAT BIJAK: *Safe and Protect***

4. Menyedari hakikat bahawa risiko kemalangan, keselamatan dan pendedahan kepada gejala sosial di kalangan kanak-kanak boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa, maka kementerian melalui JKM telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Kempen Keselamatan Sahabat B.I.J.A.K. :

*Safe and Protect.* Justeru itu, dalam konteks kempen keselamatan ini ianya meliputi usaha untuk mencegah, mengelak atau membanteras kanak-kanak dari menjadi mangsa kegiatan jenayah yang berupa pengabaian, penderaan dan eksplorasi dari aspek fizikal, seksual dan emosi dan mendidik kanak-kanak untuk mengelak dari terlibat dengan kegiatan salah atau jenayah.

5. Usaha ini juga diharapkan supaya dapat memberi kesedaran dan pendidikan kepada ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat umum tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak serta pendedahan literasi undang-undang kepada semua pihak berkaitan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak.
6. Kempen ini merupakan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) JKM bersama Jabatan Pendidikan, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
7. Menyedari berlakunya fenomena ini, program ini merupakan satu bentuk advokasi dan literasi undang-undang yang akan bergerak dari sekolah ke sekolah dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak dengan melibatkan lebih ramai komuniti setempat. Adalah menjadi hasrat Kementerian dengan program ini, kanak-kanak dapat diberi pendedahan untuk mengelak diri menjadi mangsa penderaan. Selain itu, ibubapa turut diberi pendedahan berkaitan dengan tanda-tanda penderaan dikalangan anak-anak, langkah-langkah keselamatan dan sebagainya.
8. Selain itu, KPWKM juga telah mengambil langkah-langkah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundungan, penyediaan perkhidmatan sokongan dan pelaksanaan program advokasi. Antara tindakan yang telah dilaksanakan termasuklah Pindaan terhadap Akta Kanak-kanak 2001 yang kini dikenali sebagai Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Akta Kesalahan-kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017,

Perkhidmatan Kaunseling, Talian Kasih 15999 dan **Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak.**

9. Statistik kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan & perlindungan iaitu kanak-kanak yang didera dan diabai bagi tahun 2013 sehingga 2016 menunjukkan trend yang meningkat. Pada tahun 2015, 4,453 dilaporkan dan bilangan kes semakin meningkat kepada 4,982 kes dengan peningkatan sebanyak 11.9 peratus pada 2016. Ini menunjukkan bahawa semakin hari semakin terhakis nilai murni dan rasa kasih sayang kita terhadap anak-anak apatah lagi bertanggungjawab terhadap keselamata dan memberi perlindungan kepada mereka.
10. Walaubagaimanapun, statistik yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat berhubung dengan kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan jenayah telah menunjukkan penurunan yang besar bagi tempoh 2013 hingga 2015. Pada tahun 2016, 4,886 kes dilaporkan dan daripada jumlah ini, sebanyak 1391 kes adalah dari negeri Kelantan daripada tahun 2013 hingga 2016. Saya percaya ia merupakan antara hasil program-program dan pendekatan polisi serta dasar yang diperkenalkan oleh Kementerian.

### **ISU BULI**

11. KPWKM memandang serius akan kes-kes buli yang berlaku khususnya melibatkan kanak-kanak sekolah. Ini adalah kerana kanak-kanak berhak mendapat perlindungan daripada sebarang bentuk keganasan dan layanan yang buruk sama ada secara fizikal atau emosi sebagai mana yang digariskan di bawah Artikel 19 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/Convention on the Rights of the Child (CRC). Kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak mereka di institusi pengajian semakin menjadi-jadi, apabila jenayah buli di Malaysia menjadi perhatian utama pelbagai pihak. Kes terkini melibatkan kes buli sehingga allahyarham kadet Zulfarhan dan mendiang T. Nhaveen maut kerana dibuli oleh beberapa remaja secara zalim.
12. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat sebanyak 2,322 kes buli melibatkan pelajar sekolah dari tahun 2012 hingga Jun 2017 dengan

penurunan kes sebanyak 22.1% iaitu 846 kes pada tahun 2012 kepada 332 kes tahun 2016. Kes-kes tersebut disiasat dibawah pelbagai seksyen di bawah Kanun Kesekeamanan. Walau pun berdasarkan kepada statistik menunjukkan tren menurun, langkah pencegahan hendaklah sentiasa dipertingkatkan supaya kebajikan dan keselamatan kanak-kanak sentiasa terjamin.

13. Kita sedar pelbagai bentuk penyakit sosial telah dan sedang berlaku dalam mana-mana masyarakat sama ada di Negara maju maupun negara membangun. Peranan mendisiplinkan pelajar bukan semata-mata tanggungjawab pihak sekolah, tetapi juga ibu bapa dan ahli masyarakat. Selain menjadi 'role model' kepada anak-anak, keperluan emosi mereka juga perlu dipenuhi memandangkan kebanyakan pelajar yang terlibat dengan gejala sosial adalah terdiri daripada mereka yang kurang mendapat kasih sayang, tidak diberi perhatian yang sewajarnya, menghadapi tekanan perasaan yang boleh mengganggu emosi mereka.
14. Maka, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dalam sesebuah Negara untuk sama-sama menangani gejala buli ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru kepada semua pihak untuk bekerjasama menggalas tanggungjawab ini dalam membasmi gejala yang tidak sihat ini daripada terus merebak dan merosakkan masa depan Negara.
15. Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan, peratusan murid (sekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia) terlibat dalam salah laku buli yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah terkawal dengan tren yang menurun iaitu 0.08 peratus kepada 0.06 peratus. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 0.02 peratus murid terlibat dalam gejala tersebut. Berdasarkan rekod, tiada kes yang melibatkan kematian akibat perbuatan buli dalam kawasan sekolah dalam tempoh tahun 2012 hingga sekarang.

## **PENUBUHAN MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK**

16. **Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak** telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 22 Jun 2017. Penubuhan mahkamah ini dilihat sebagai komponen penting dalam usaha memberi keadilan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual. Penubuhan mahkamah ini dapat membantu kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dapat dibicarakan dengan lebih cepat dan mengelakkan truma terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa. Penubuhan mahkamah ini juga memberi penekanan kepada persekitaran yang mesra kanak-kanak terutama dalam aspek persekitaran fizikal mahupun anggota mahkamah itu sendiri. Kanak-kanak yang menjadi saksi kepada perbicaraan akan ditempatkan di tempat yang berasingan supaya tidak bertemu atau melihat tertuduh yang mungkin akan menimbulkan truma kanak-kanak.
17. Sebagai permulaan, Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak telah diwujudkan di Istana Kehakiman Putrajaya yang mengendalikan perbicaraan kes-kes dari Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Mahkamah Khas ini akan diperluaskan lagi ke 13 negeri di Malaysia secara berperingkat. Sebanyak 62 kes telahpun didaftarkan dengan mahkamah ini iaitu 11 kes telah diselesaikan, 25 dalam sebutan dan 26 lagi masih dalam perbicaraan.

## **PENUTUP**

18. Besarlahharapansaya agar **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak – Sahabat B.I.J.A.K."Safe And Protect"** ini dapat meningkatkan kesedaran kanak-kanak, ibubapa serta orang dewasa terutama dari aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan lebih mendalam.
19. Marilah kitas ama-sama berusaha serta berganding bahu mendidik dan menyedarkan bukan sahaja golongan kanak-kanak malah para ibubapa, guru-guru

sekaligus segenap lapisan anggota masyarakat untuk merealisasikan usaha murni ini sehingga Berjaya mencapai matlamat yang kita sasarkan.

20. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada JKM dan tidak lupa kepada PPD Tumpat dan SK Kubang Batang kerana telah bekerja keras untuk melaksanakan pelancaran **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak – Sahaba Bijak “Safe And Protect”** dan memastikannya Berjaya pada hari ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi yang terlibat. Juga tidak saya lupakan kepada pelajar-pelajar, guru-guru, PIBG, ibu bapa dan semua hadirin yang bersama-sama pada petang ini.

## PENUTUP

YBhg. Datuk/Dato'/Datin Tuan-Tuan Dan Puan-Puan,

Akhir kata, dengan lafaz suci **Bismillahhirrahmannirahim** saya dengan ini merasmikan **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak SAHABAT B.I.J.A.K Safe and Protect** pada hari ini.

Sekian, wabillahhitaufiqwalhidayah, wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.  
Terima kasih.